

**PENGARUH STIGMA AWAM DAN KENDIRI
TERHADAP SIKAP DALAM PERKHIDMATAN
KAUNSELING DI INSTITUT PENDIDIKAN
GURU MALAYSIA: PERSONALITI SEBAGAI
MODERATOR**

ANEESHA BINTI HAMID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PENGARUH STIGMA AWAM DAN KENDIRI
TERHADAP SIKAP DALAM PERKHIDMATAN
KAUNSELING DI INSTITUT PENDIDIKAN
GURU MALAYSIA: PERSONALITI SEBAGAI
MODERATOR**

oleh

ANEESHA BINTI HAMID

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

March 2022

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, kerana atas limpah dan kurniaNya, maka saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Alhamdulillah.

Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ini ditujukan khas kepada penyelia utama Profesor Madya Dr Rahimi Bt Che Aman dan penyelia bersama Dr Syed Mohammad Bin Syed Abdullah yang telah memberi panduan, sokongan, dan bimbingan dalam penghasilan tesis ini. Saya mendoakan Profesor Madya Dr Rahimi Bt Che Aman dan Dr Syed Mohammad Bin Syed Abdullah sentiasa dirahmati Allah S.W.T.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pengurusan tertinggi, semua pensyarah dan staf di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia yang turut sama memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam mencurahkan ilmu, cadangan, idea dan bantuan sehingga tesis ini dapat dihasilkan.

Titipan doa dan ingatan abadi kepada almarhum ayahanda dan almarhuma bonda serta ibu mertua yang merupakan *epitome* inspirasi dalam memperoleh Ijazah Doktor Falsafah. Terima kasih juga diucapkan kepada suami yang tercinta, Encik Abdul Said Bin Hussain, anak-anak yang disayangi, Dr Syazwin, Dr Syazlin, Abdul Naem, Muhamad Saiful Hadi dan Fatin Syafinaz kerana sentiasa memberi sokongan untuk menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Amir Luqman dan Aryan Zafran, cucunda tersayang yang menjadi penawar dan penghibur sepanjang proses mendokumentasikan tesis.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pengarah, timbalan pengarah, dan rakan-rakan pensyarah serta staf Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang serta pelajar Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia yang telah membantu merealisasikan penyelidikan ini. Semoga hasil penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	8
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Objektif Kajian.....	27
1.5 Persoalan Kajian	29
1.6 Hipotesis Kajian.....	30
1.7 Kerangka Konsep Kajian	31
1.7.1 Personaliti sebagai Moderator	33
1.7.2 Stigma Sebagai Variabel Bebas	35
1.7.3 Sikap Terhadap Kaunseling sebagai Variabel Bersandar	35
1.8 Kepentingan Kajian	37
1.8.1 Pelajar	38
1.8.2 Kaunselor	38
1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia	39
1.8.4 Institut Pendidikan Guru Malaysia.....	40
1.8.5 Penambahan Bahan Sorotan Kajian	40

1.9	Definisi Istilah.....	40
1.9.1	Pelajar	40
1.9.2	Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)	41
1.9.3	Institut Pendidikan Guru (IPG)	41
1.9.4	Perkhidmatan Kaunseling	41
1.9.5	Kaunselor Pelajar	42
1.9.6	Trait Personaliti	42
1.9.7	Stigma	43
1.9.8	Sikap Terhadap Mendapatkan Bantuan Professional Psikologi (Perkhidmatan Kaunseling)	43
1.10	Limitasi kajian	44
1.11	Kesimpulan	45
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		46
2.1	Pengenalan	46
2.2	Definisi Kaunseling	46
2.3	Sejarah Perkhidmatan Kaunseling Di Malaysia	48
2.3.1	Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1940an hingga 1960an	53
2.3.2	Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1960an hingga 1980an	54
2.3.3	Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Dekad 1980an hingga 2000	55
2.3.4	Sejarah Perkembangan Perkhidmatan B&K Tahun 2000 hingga Abad 21	56
2.3.5	Perkhidmatan Kaunseling Di Institut Pendidikan Guru	57
2.4	Model – Model Perkhidmatan Kaunseling	58
2.5	Amalan- Amalan Baik Perkhidmatan Kaunseling Dalam & Luar Negara.....	61
2.6	Sikap Terhadap Perkhidmatan Kaunseling	73
2.7	Stigma.....	79

2.7.1	Komponen Stigma.....	82
2.7.2	Stigma sendiri	85
2.7.3	Stigma Awam.....	89
2.8	Trait Personaliti.....	91
2.9	Kerangka Teori Kajian	98
2.10	Tinjauan Literatur Berkaitan Sikap Terhadap Perkhidmatan Kaunseling.....	103
2.11	Tinjauan Literatur Berkaitan Pengaruh Stigma Terhadap Perkhidmatan Kaunseling	117
2.12	Tinjauan Literatur Berkaitan Personaliti <i>Big five</i>	125
2.13	Tinjauan Literatur <i>Theory Reasoned Action & Model Help Seeking</i>	131
2.14	Kesimpulan	141
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		142
3.1	Pendahuluan	142
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	143
3.2.1	Pendekatan Kajian.....	147
3.2.2	Kajian Kuantitatif.....	149
3.2.3	Kajian Kualitatif.....	150
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	151
3.3.1	Teknik Persampelan Kuantitatif.....	151
3.3.2	Teknik Pensampelan Kualitatif	155
3.4	Instrumen Kajian.....	157
3.4.1	Bahagian A: Demografi responden.....	158
3.4.2	Bahagian B: Inventori Personaliti ' <i>The Big-Five</i> ' (John & Srivastava, 1999).....	158
3.4.3	Bahagian C: Stigma awam (<i>Perceptions of Stigmatization by Others for Seeking Help</i> ; Vogel et al., 2009).	161
3.4.4	Bahagian D: Stigma diri (<i>Self Stigma of Seeking Help</i> ; Vogel et al., 2006)	162

3.4.5	Bahagian E: Sikap untuk Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling (<i>Attitudes toward Seeking Professional Psychological Help Scale – Short Form</i> ; ATSPPH-SF Fischer & Farina, 1995).	164
3.4.6	Rumusan Inventori	165
3.4.7	Kebolehpercayaan Alat Ukur	167
3.4.8	Validasi Alat Ukur	169
3.4.9	Temu Bual	171
3.4.10	Validasi Soalan, Tema & Subtema Temu Bual.....	172
3.5	Kajian Rintis	174
3.6	Kaedah Pengumpulan Data Kuantitatif dan Kualitatif.....	177
3.7	Analisis Data Kuantitatif.....	178
3.7.1	Analisis Statistik Deskriptif Demografi Responden	179
3.7.2	Analisis Statistik Inferensi.....	180
3.8	Ringkasan Analisis Statistik Kajian	185
3.9	Analisis Data Kualitatif.....	187
3.10	Rumusan.....	189
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	191
4.1	Pengenalan	191
4.2	Analisis Deskriptif.....	193
4.2.1	Deskripsi Demografi	193
4.3	Statistik Deskriptif (Trait Personaliti Dominan).....	194
4.4	Analisis Deskriptif Variabel Kajian (Stigma Awam).....	195
4.5	Analisis Deskriptif Variabel Kajian (Stigma Kendiri)	196
4.6	Analisis Deskriptif Variabel Kajian (Sikap)	197
4.7	Ujian Hipotesis.....	198
4.7.1	Hipotesis Alternatif (1): Terdapat Hubungan yang signifikan antara stigma awam dengan stigma sendiri.....	198
4.7.2	Anggapan Regresi (<i>Assumption of Regression</i>).....	200

4.7.3	Hipotesis Alternatif 2(a): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti keterbukaan terhadap pengalaman (<i>Openness</i>) antara stigma awam dengan stigma sendiri	202
4.7.4	Hipotesis Alternatif 2(b): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti keberhematan (<i>Conscientiousness</i>) antara stigma awam dengan stigma sendiri	204
4.7.5	Hipotesis Alternatif 2(c): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti ekstroversi (<i>Extroversion</i>) antara stigma awam dengan stigma sendiri.....	206
4.7.6	Hipotesis Alternatif 2(d): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti kebersetujuan (<i>Agreeableness</i>) antara stigma awam dengan stigma sendiri.....	208
4.7.7	Hipotesis Alternatif 2(e): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti neurotisisme (<i>Neurotic</i>) antara stigma awam dengan stigma sendiri	211
4.7.8	Hipotesis Alternatif 3(a): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti keterbukaan terhadap pengalaman antara stigma sendiri dengan sikap.....	213
4.7.9	Hipotesis Alternatif 3(b): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti keberhematan (<i>Conscientiousness</i>) antara stigma sendiri dengan sikap	215
4.7.10	Hipotesis Alternatif 3(c): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti ekstroversi (<i>Extroversion</i>) antara stigma sendiri dengan sikap.....	217
4.7.11	Hipotesis Alternatif 3(d): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti kebersetujuan (<i>Agreeableness</i>) antara stigma sendiri dengan sikap.....	219
4.7.12	Hipotesis Alternatif 3(e): Terdapat kesan moderator yang signifikan bagi trait personaliti neurotisisme (<i>Neurotisisme</i>) antara stigma sendiri dengan sikap terhadap kaunseling.....	221
4.7.13	Hipotesis Alternatif 4 & 5: Stigma awam dan Stigma Kendiri adalah peramal yang signifikan bagi sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling	223
4.7.13(a)	Korelasi antara stigma dengan sikap.	223
4.7.13(b)	Analisis Regresi Pelbagai Linear.....	224
4.8	Rumusan Dapatan Kuantitatif.....	224

4.9	Keputusan Kualitatif.....	226
4.9.1	Dapatan Deskriptif Temu Bual.....	227
4.9.2	Latar Belakang Responden Kajian.....	227
4.9.3	Analisis Dapatan Temu Bual - Sikap terhadap perkhidmatan Kaunseling.....	230
4.9.4	Dapatan Analisis Tema Positif Berkaitan Sikap Terhadap Perkhidmatan Kaunseling.....	232
4.9.5	Dapatan Analisis Tema Negatif Berkaitan Sikap Terhadap Perkhidmatan kaunseling.....	236
4.9.6	Rumusan Keputusan Kualitatif	241
BAB 5	PERBINCANGAN	242
5.1	Pendahuluan	242
5.2	Rumusan Kajian.....	242
5.3	Perbincangan	245
5.3.1	Trait Personaliti Dominan Yang Dimilik Oleh Pelajar Institut Pendidikan Guru.....	245
5.3.2	Tahap Stigma Awam Yang Dimilik Oleh Pelajar Institut Pendidikan Guru.....	248
5.3.3	Tahap Stigma Kendiri Yang Dimilik Oleh Pelajar Institut Pendidikan Guru.....	250
5.3.4	Tahap Sikap Terhadap Kaunseling Yang Dimilik Oleh Pelajar Institut Pendidikan Guru	253
5.3.5	Hubungan Antara Stigma Awam Dengan Stigma Kendiri.....	259
5.3.6	Pengaruh Trait Personaliti Sebagai Moderator Antara Stigma Awam Dengan Stigma Kendiri Pelajar Di Institut Pendidikan Guru?.....	261
5.3.7	Pengaruh Trait Personaliti Sebagai Moderator Antara Stigma Kendiri Dengan Sikap Terhadap Perkhidmatan Kaunseling Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Pendidikan Guru	268
5.3.8	Stigma Kendiri Dan Stigma Awam Peramal Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling	273
5.4	Ringkasan Penemuan Kajian	275
5.5	Implikasi Kajian.....	276

5.5.1	Implikasi Praktikal	277
5.5.2	Implikasi Teoritikal	286
5.6	Limitasi Kajian.....	288
5.7	Cadangan Bagi Kajian Akan Datang.....	291
5.8	Sumbangan Kajian.....	292
5.8.1	Sumbangan Kepada Perkhidmatan Kaunseling & Kaunselor	292
5.8.2	Sumbangan Kepada Pelajar	298
5.8.3	Sumbangan Kepada Pengurusan & Organisasi	299
5.9	Kesimpulan	300
BIBLIOGRAFI.....		302

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Analisis Soal Selidik Pandangan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling di Institut Pendidikan Guru	22
Jadual 1.2 Analisis Soal Selidik Pandangan Staf IPGKPP & Pensyarah Terhadap Perkhidmatan Kaunseling di Institut Pendidikan Guru	23
Jadual 2.1 Personaliti <i>Big Five</i> yang dikemukakan oleh Costa & McCrae.....	97
Jadual 3.1 Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Pekali Korelasi	146
Jadual 3.2 Demografi Responden Temu Bual.....	156
Jadual 3.3 Susunan Item-Item Soal Selidik	157
Jadual 3.4 Rumusan skor Inventori Personaliti ' <i>The Big-Five</i> '	160
Jadual 3.5 <i>Reversed Score</i>	160
Jadual 3.6 Jadual Cara Pengiraan Trait Big Five	161
Jadual 3.7 Jadual Pemarkatan Skor PSOSH	162
Jadual 3.8 <i>Reversed Score</i>	163
Jadual 3.9 Pemarkatan Skor SSOSH	163
Jadual 3.10 Pemarkatan Skor ATSPPH	165
Jadual 3.11 Rumusan Pengukuran Kajian Adaptasi <i>The Big-Five</i> '(John & Srivastava, 1999) <i>Perceptions of stigmatization by Others for Seeking Help</i> ; Vogel et al., 2009). <i>Self Stigma of Seeking Help</i> ; Vogel et al., 2006) ATSPPH-SF Fischer & Farina, (1995)	166
Jadual 3.12 Nilai Alpha bagi Trait Personaliti <i>Big Five</i>	168
Jadual 3.13 Kebolehpercayaan Total Trait Personaliti	168
Jadual 3.14 Nilai Alpha bagi Stigma Awam , Stigma sendiri dan Sikap.....	168
Jadual 3.15 Pasukan Validasi Soalan Temu Bual	172
Jadual 3.16 Komen Pakar Berkaitan Tema & Subtema Soalan Temu Bual	173

Jadual 3.17	Jantina responden	175
Jadual 3.18	Bangsa responden.....	175
Jadual 3.19	Semester Responden	175
Jadual 3.20	Statistik Kebolehpercayaan	176
Jadual 3.21	Ciri-Ciri Demografi.....	179
Jadual 3.22	Kekuatan Hubungan oleh Cohen et al. (2011)	181
Jadual 3.23	Persoalan Kajian & Ujian Statistik	186
Jadual 4.1	Persoalan Kajian.....	191
Jadual 4.2	Demografi Responden Kajian	193
Jadual 4.3	Semester Pengajian Responden.....	194
Jadual 4.4	Kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai variabel trait Personaliti yang dominan (n = 1186)	195
Jadual 4.5	Kekerapan dan peratusan tahap stigma awam (n = 1186)	196
Jadual 4.6	Kekerapan dan peratusan tahap stigma sendiri (n = 1186)	197
Jadual 4.7	Kekerapan dan peratusan tahap sikap (n = 1186)	198
Jadual 4.8	Nilai korelasi (r) Cohen (1998)	199
Jadual 4.9	Korelasi antara stigma awam dengan stigma sendiri (n = 1186)	200
Jadual 4.10	Kesan Moderator Trait Keterbukaan terhadap Model Stigma dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal.....	203
Jadual 4.11	Kesan Moderator Trait Keberhematan terhadap Model Stigma dengan menggunakan Regresi Berganda Hierarki	205
Jadual 4.12	Kesan Moderator Trait Ekstroversi terhadap Model Stigma dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal.....	207
Jadual 4.13	Kesan Moderator Trait Kebersetujuan terhadap Model Stigma dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal.....	210
Jadual 4.14	Kesan Moderator Trait Neurotisme terhadap Model Stigma dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal.....	212

Jadual 4.15	Kesan Moderator Trait Keterbukaan terhadap Model Sikap dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal	214
Jadual 4.16	Kesan Moderator Trait Keberhematan terhadap Model Sikap dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal	216
Jadual 4.17	Kesan Moderator Trait Ekstroversi terhadap Model Sikap dengan menggunakan Regresi Berganda Hierarki	218
Jadual 4.18	Kesan Moderator Trait Kebersetujuan terhadap Model Sikap dengan menggunakan Regresi Berganda Hierarikal	220
Jadual 4.19	Kesan Moderator Trait Neurotisme terhadap Model Sikap dengan menggunakan Regresi Berganda Hirarikal	222
Jadual 4.20	Korelasi antara stigma dengan sikap.....	223
Jadual 4.21	Regresi Linear Berganda Sikap sebagai variabel Bersandar	224
Jadual 4.22	Demografi Responden	228

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian	32
Rajah 2.1 Adaptasi (<i>The Stage Model of Self Stigma</i> , Corrigan and Rao, (2012)).....	88
Rajah 2.2 Kerangka Teori Kajian.....	98
Rajah 2.3 Adaptasi Model of Ajzen and Fishben theory	100
Rajah 2.4 Adaptasi <i>Theory Reasoned Action</i> (TRA: Ajzen & Fishben, 1980)	100
Rajah 2.5 Model <i>Help Seeking</i> (Vogel et al., 2007).....	101
Rajah 2.6 Adaptasi <i>Theory Reasoned Action</i> (TRA: Ajzen & Fishben, 1980)	132
Rajah 2.7 Model <i>Help Seeking</i> Vogel.....	136
Rajah 3.1 Persampelan Kelompok & Prosedur Rawak Mudah (Adaptasi: Chua, 2014)	153
Rajah 3.2 Adaptasi <i>Statistical model of Moderate Effect</i> (Bennet, 2000)	182
Rajah 3.3 Proses Analisis data Kualitatif. Sumber: Chua (2014)	188
Rajah 3.4 Kerangka Kerja Kajian	190
Rajah 4.1 Plot P-P biasa bagi Pembolehubah Bersandar: Stigma Kendiri	200
Rajah 4.2 Scatterplot bagi Variabel Bersandar: Stigma Kendiri.....	201
Rajah 4.3 Histogram dan Lengkung Biasa bagi Variabel Bersandar: Stigma Kendiri	201
Rajah 4.4 Tema dan Subtema Sikap terhadap Perkhidmatan Kaunseling.....	231

SENARAI SINGKATAN

3Pi	Pembangunan, Pencegahan, Pemulihan dan Intervensi
ATSPPH	<i>Attitudes Towards Seeking Professional Psychological Help</i>
ATSPPH-SF	<i>Attitudes toward Seeking Professional Psychological Help Scale – Short Form</i>
B&K	Bimbingan dan Kaunseling
H	Hipotesis
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
KPT	Kementerian Pendidikan tinggi
NEO	Neuroticism, Extraversion, Openness Inventori Personaliti
PPISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PSOSH	<i>Perceptions of Stigmatization by Others for Seeking Help</i>
SEM	Struktur Pemodelan Persamaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SSOSH	<i>Self Stigma of Seeking Help</i>
T1	Masa Satu
T2	Masa Dua
TPB	Teori Perilaku Terancang
TRA	<i>Theory Reasoned Action</i>
UAE	United Arab Emirates
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation</i>

UNICEF	<i>United Nations International Children's Fund</i>
UPsK	Unit Psikologi dan Kaunseling
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	<i>Attitudes Toward Seeking Professional help</i>
Lampiran 2	<i>Perceptions of Stigmatization by Others for Seeking Help scale</i> , (Vogel et al., 2009)
Lampiran 3	<i>Self Stigma of Seeking Help scale</i> (Vogel et al., 2006)
Lampiran 4	<i>Inventori Big Five</i>
Lampiran 5	Protokol Temu Bual
Lampiran 6	Perakuan Validasi
Lampiran 7	Soal Selidik Dalam Talian
Lampiran 8	Verbatim
Lampiran 9	Borang Validasi Tema & Subtema Temu Bual
Lampiran 10	Perakuan Validasi Tema & Subtema Temu Bual
Lampiran 11	Data SPSS

**PENGARUH STIGMA AWAM DAN KENDIRI TERHADAP SIKAP DALAM
PERKHIDMATAN KAUNSELING DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA : PERSONALITI SEBAGAI MODERATOR**

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menentukan pengaruh trait personaliti sebagai moderator antara stigma awam dengan stigma sendiri dan antara stigma sendiri dengan sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG), Malaysia. Kajian ini dijalankan rentetan daripada dapatan kajian tinjauan awal di salah sebuah Institut Pendidikan Guru yang menunjukkan bahawa pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) yang berpotensi untuk mendapat manfaat daripada perkhidmatan kaunseling tidak berbuat demikian. Selain mengenal pasti trait personaliti yang dominan, tahap stigma awam dan stigma sendiri serta tahap sikap terhadap perkhidmatan kaunseling, kajian ini juga bertujuan bagi mengkaji hubungan antara stigma awam dengan stigma sendiri dan menentukan sama ada stigma awam dan stigma sendiri meramal sikap terhadap perkhidmatan kaunseling. Kajian ini menggunakan reka bentuk mod gabungan, iaitu menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif manakala kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kajian tinjauan. Data diperoleh dengan menggunakan soal selidik dan temu bual untuk menjawab persoalan yang berfokus kepada sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar di Institut pendidikan guru. Data kuantitatif dan kualitatif diperoleh daripada sampel seramai 1186 orang pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Sampel kajian telah melengkapkan 1) *The Big-Five* (John & Srivastava, 1999), 2) *Perceptions of Stigmatization by Others for Seeking Help*, (Vogel et al., 2009), 3) *Self Stigma of Seeking Help*, (Vogel et al., 2006), 4) *Attitudes towards*

Seeking Professional Psychological Help Scale – Short Form (Fischer & Farina, 1995) dan enam item demografi. Data kualitatif pula dikumpul menerusi temu bual semi struktur berfokus kepada sikap dan melibatkan seramai enam orang responden. Hasil analisis kuantitatif iaitu korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan antara stigma awam dengan stigma sendiri, analisis pelbagai hirarikal pula mendapati trait personaliti ekstroversi menunjukkan pengaruh yang signifikan sebagai moderator antara stigma awam dengan stigma sendiri dan antara stigma sendiri dengan sikap terhadap perkhidmatan kaunseling. Dapatan analisis regresi pelbagai linear pula mendapati stigma awam dan stigma sendiri tidak meramalkan sikap. Analisis kualitatif mendapati subtema positif seperti keperluan mendapat kaunseling, trait personaliti dan pengalaman lampau mempengaruhi sikap positif manakala subtema negatif seperti stigma, kurang kepercayaan, ciri kaunselor, kurang pendedahan dan aktiviti juga mempengaruhi sikap terhadap perkhidmatan kaunseling. Pihak pengurusan Institut Pendidikan Guru dan kaunselor perlu mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling dengan merancang intervensi, mengurangkan stigma, meneroka personaliti dan menjenamakan semula perkhidmatan kaunseling agar perkhidmatan kaunseling dimanfaatkan secara optimum oleh pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

**THE INFLUENCE OF PUBLIC AND SELF STIGMA ON ATTITUDE IN
MALAYSIA TEACHER EDUCATION INSTITUTES COUNSELLING SERVICES:
PERSONALITY AS MODERATOR**

ABSTRACT

This study is to determine the influence of personality traits as a moderator between public stigma and self-stigma and between self-stigma and attitude towards counseling services among students at the Institute of Teacher Education. This is in line with the findings of a preliminary study conducted at one of the Teacher Education Institutes which indicated that students with potential who could benefit from counseling services do not do so. In addition to identifying the dominant personality traits, the level of stigma and self-stigma as well as attitudes towards counseling services, this study also aims examines the relationship between public stigma and self-stigma and determines whether public stigma and self-stigma can predict attitudes towards counseling services. This study uses a mix-mode design, which uses quantitative and qualitative approaches while the research method used is a survey study. Data were obtained by using questionnaires and interviews to answer questions that focused on attitudes towards counseling services among students at the Institute of teacher education. Quantitative and qualitative data were obtained from the samples of 1186 students from Institute of Teacher Education in Malaysia. The samples completed the following inventories; 1) The Big-Five Inventory by (John & Srivastava, 1999), 2) Perceptions of Stigmatization by Others for Seeking Help (Vogel et al., 2009), 3) Self -Stigma of Seeking Help (Vogel et al., 2006) and 4) Attitudes toward seeking Professional Psychological Help Scale - Short by (Fischer & Farina, 1995) and six demographic items. Qualitative data was collected through semi-

structured interviews focused on attitudes which involved a total of six respondents. The results of quantitative analysis, using Pearson Correlation, showed a significant relationship between public stigma and self-stigma, while Multiple hierarchical regression analysis indicated that extroversion personality traits show significant influence as a moderator between public stigma and self-stigma and between self-stigma and attitude towards counseling services. The findings of multiple linear regression analysis found that public stigma and self-stigma did not predict attitudes. Qualitative analysis found that positive sub-themes such as the need for counseling, personality traits and past experiences affect positive attitudes while negative sub-themes such as stigma, lack of trust, counselor's characteristics, lack of exposure and activities also affect attitudes towards counseling services. The findings of this study among students at the Institute of Teacher Education clearly stated that management and counselors need to take into account the factors that influence students' attitudes towards counseling services by planning interventions, reducing stigma, exploring personalities and re-branding counseling services so that counseling services can be used optimally by students at the Malaysian Teacher Education Institutes (Institut Pendidikan Guru, IPGs).

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Perkhidmatan kaunseling bukanlah satu fenomena baharu di Malaysia kerana perkhidmatan ini mula berkembang di institusi dan di sekolah-sekolah di Malaysia sejak tahun 1964 lagi untuk pemulihan, perkembangan, pencegahan serta kaunseling bagi mengurangi salah laku seperti yang dinyatakan oleh Maznah dan Zainal (2007). Menurut Aziz Shah et al. (2009), perkhidmatan kaunseling digunakan untuk mengenali potensi diri ke arah yang membangun dan positif. Selain itu, Gladding (2018), berpendapat bahawa kaunseling adalah *“a relationship that empowers diverse individuals, families and groups to accomplish mental health, wellness, education and career goal”* yang bermaksud kaunseling adalah hubungan yang memberi kekuatan kepada pelbagai individu, keluarga dan kumpulan untuk mencapai kesihatan mental, kesejahteraan, pendidikan dan matlamat kerjaya.

Menurut Ching dan Kok-Mun (2010), perkembangan yang pesat dan perubahan dalam perkhidmatan kaunseling telah berlaku di Malaysia. Penggunaan rangkaian telefon bagi memberikan perkhidmatan kaunseling telah wujud pada tahun 1970-an dan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B & K) telah wujud di semua institusi pengajian tinggi bagi membantu para pelajar (Abdul Halim, 2007). Menurut Suradi (2004), perkhidmatan kaunseling telah diperluas kepada sektor bukan pendidikan seperti di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Agama Islam, Jabatan Perkhidmatan Awam, pusat pemulihan, hospital dan sektor swasta. Selain itu, perkhidmatan kaunseling juga telah diiktiraf sebagai satu profesion profesional dan setiap kaunselor yang ingin memberi khidmat perlu mendaftarkan diri dengan

Lembaga Kaunselor serta mempunyai Sijil Perakuan Amalan seperti termaktub dalam Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) seperti yang dijelaskan oleh Amir (2017).

Pusat Kaunseling di kebanyakan institusi pengajian tinggi bertujuan menyediakan perkhidmatan yang berbentuk pemusatan pelajar bagi membantu pelajar dari segi perkembangan diri, akademik, kerjaya, peribadi, pencegahan dan menggalakkan kesihatan mental (Taip Abu & Abdul Halim, 2009). Selain itu, Neukrug (2012) berpendapat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga merupakan satu bidang perkhidmatan yang ditawarkan dari semasa ke semasa bagi membantu perkembangan peribadi dan pembangunan seseorang individu sama ada secara perseorangan atau berkumpulan.

Merujuk kepada kenyataan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), perkhidmatan kaunseling memainkan peranan utama dalam membangunkan potensi modal insan melalui program dan pendekatan psikologi dan kaunseling (KPT, 2011). Menurut Gladding (2018) pula kaunseling menekankan tentang pencegahan dan kesungguhan membantu individu pada semua peringkat umur untuk mengelak daripada membuat pilihan yang tidak betul dalam kehidupan disamping mencari maksud dan hala tuju dalam memenuhi perkara yang dilakukan oleh mereka. Perbezaan ketara antara bimbingan dengan kaunseling ialah bimbingan membantu individu membuat pilihan antara sesuatu yang paling mereka hargai manakala kaunseling membantu mereka membuat perubahan. Gladding (2018) juga menyatakan bahawa kaunseling kolej dan pengurusan perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar memerlukan kefahaman tentang cara pelajar pada semua peringkat umur belajar, membesar dan berkembang. Oleh yang demikian, perkhidmatan kaunseling juga perlu disediakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang berperanan sebagai sebuah institusi unggul yang melatih para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selama lima

tahun untuk dilatih menjadi seorang guru yang memiliki personaliti unggul dan berjiwa pendidik. Bakal-bakal guru ini disandarkan harapan dan amanah untuk membentuk anak bangsa agar seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, (KPM, 2001).

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara

(Akta Pendidikan 1996, Akta 550)

Kewujudan Kaunselor pelajar dan Kaunselor Pentadbir di semua Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) adalah daripada Bahagian Psikologi dan Kaunseling yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 01 Mac 2008 ekoran penstrukturan semula Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling, KPM 2014). Pelaksanaannya merujuk kepada aktiviti psikologi dan kaunseling yang meliputi aspek personel, pembangunan personel, penyelidikan dan intervensi. Menurut Kottler dan Shepard (2011) antara objektif wujudnya perkhidmatan kaunseling di universiti dan di sekolah-sekolah amnya adalah untuk membantu para pelajar lebih bersikap terbuka dan mampu membuat pilihan yang terbaik, membantu pelajar mengenali diri dalam persoalan yang dihadapi demi menghasilkan perubahan imej diri yang positif serta membantu pelajar menilai kekuatan dan kelemahan diri mereka.

Selain itu, perkhidmatan kaunseling juga dapat membantu menangani gangguan emosi dalam kalangan pelajar, meningkatkan pembangunan potensi diri pelajar dan kematangan sosial dalam berkomunikasi, menyemaikan tanggungjawab dalam diri pelajar serta membantu pelajar menyesuaikan diri dalam apa jua cabaran kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru yang terdiri daripada pelajar lepasan SPM dan dalam lingkungan umur yang sama. Mereka terdiri daripada pelbagai personaliti dan latar belakang yang berbeza dari aspek sosial, ekonomi, agama dan pegangan nilai. Furr et al. (2001) dan Cebi (2009) juga menyatakan bahawa terdapat beberapa sebab yang dikaitkan dengan tahap tekanan psikologikal yang tinggi dialami oleh pelajar peringkat institusi seperti tekanan hidup sebagai pelajar dan penyesuaian kehidupan jauh daripada keluarga.

Keperluan untuk perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar kolej didokumentasikan dengan baik dalam literatur kaunseling oleh (Baysden, 2002) dan Gladding (2018). Menurut Baysden (2002) tempoh berada di kolej adalah merupakan tempoh peralihan dan penyesuaian bagi ramai pelajar dan mereka memerlukan sokongan terutamanya daripada perkhidmatan kaunseling dan kegagalan memberi sokongan kepada pelajar kolej dalam tempoh masa ini akan menyebabkan banyak masalah yang akan wujud dalam kalangan pelajar seperti stres, kemurungan, kegagalan dalam bidang akademik dan lain-lain masalah psikologi. Baysden (2002) juga menegaskan bahawa penyesuaian terhadap perubahan ini biasanya berlaku dalam waktu yang agak singkat dan tekanan yang terlibat dalam proses ini sering diperburuk oleh tuntutan kehidupan kuliah yang boleh memberi kesan kepada pelajar secara berbeza.

Faktor usia dan peralihan pelajar dari alam sekolah ke Institut Pendidikan Guru (IPG) tentunya memerlukan sokongan untuk penyesuaian di bidang baharu dalam pelbagai aspek seperti akademik, sosial dan perkembangan peribadi seperti yang dinyatakan dalam dapatan kajian oleh Julal (2013) bahawa belajar di universiti dikaitkan dengan tekanan yang signifikan termasuk tekanan yang dihadapi oleh pelajar yang berhijrah kepada kehidupan di universiti.

Dapatan ini selaras dengan dapatan Gladding (2018) yang menyatakan tempoh berada di kolej merupakan peralihan memikul peranan dan tanggungjawab orang dewasa manakala Ercan (2010), Flansburg (2012) dan Suradi (2010) pula menyatakan pelajar universiti menghadapi pelbagai masalah yang berkaitan dengan akademik, keluarga, konflik generasi, penyalahgunaan dadah, personaliti, kemurungan dan masalah psikologi semasa mengikuti pengajian. Selain itu, Wan Marzuki et al. (2019) pula berpendapat pelajar universiti di Malaysia juga memerlukan perkhidmatan kaunseling bagi membantu mereka menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi semasa mengikuti pengajian.

Oleh itu, faktor-faktor yang dikaitkan dengan keperluan perkhidmatan kaunseling bagi pelajar yang berhijrah dari sekolah ke alam kehidupan di kolej, universiti dan di IPG juga telah menyebabkan Bahagian Psikologi dan Kaunseling dengan misi untuk mempertingkatkan kesejahteraan modal insan melalui pendekatan psikologi dan kaunseling telah meningkatkan perkhidmatan kaunseling di sekolah, kolej, universiti, dan juga dalam perkhidmatan awam serta sektor-sektor kerajaan seperti yang dinyatakan dalam (Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling, KPM, 2014). Justeru, memandangkan para pelajar di Institut Pendidikan Guru juga adalah pelajar yang mengalami transisi dari alam persekolahan kepada kehidupan institusi yang baharu dan juga menghadapi pelbagai cabaran dalam

penyesuaian diri, pengurusan emosi, pembelajaran, komunikasi berkesan, pengurusan masa, kewangan dan lain-lain maka wajarlah perkhidmatan kaunseling yang telah disediakan di IPG sepatutnya digunakan secara optimum oleh para pelajar, namun begitu hakikat penggunaan perkhidmatan kaunseling oleh pelajar di Institut Pendidikan Guru adalah disebalik itu.

Suradi (2010) juga mendapati pelajar yang mempunyai masalah peribadi, psikologi dan isu-isu kesihatan mental masih tidak menganggap mencari bantuan psikologi yang profesional iaitu perkhidmatan kaunseling sebagai satu cara penyelesaian masalah mereka. Fenomena ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar di Malaysia tetapi berlaku juga dalam kalangan pelajar antarabangsa yang didapati sangat memerlukan kaunseling profesional untuk menangani stres namun menurut Baysden (2002) hasil penyelidikan berpendapat bahawa pelajar lebih cenderung untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan daripada pusat kesihatan daripada mendapatkan kaunseling.

Kajian berkaitan keengganan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling ialah isu universal dan bukanlah merupakan fenomena yang asing bagi para penyelidik terutamanya berkaitan keengganan mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi seperti kajian yang telah dijalankan oleh Suradi (2010), Salina dan Khairul Azmi (2018) dan Wan Marzuki et al. (2019). Dapatan kajian mereka telah membuktikan bahawa antara faktor yang menjadi penghalang untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling ialah stigma, skeptisme, kepercayaan dan keberkesanan kaunseling, mengelak untuk bercakap sesuatu yang menyedihkan atau pendedahan maklumat peribadi adalah antara penghalang utama untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Faktor yang sama juga telah diutarakan oleh Vogel et al. (2006) dan Corrigan (2004). Selain itu, lebih menarik lagi adalah

dapatan kajian oleh Miller (2019), Brown (2012), Bampi (2013) dan Ingram et al. (2016) yang mendapati trait personaliti juga memainkan peranan dalam mempengaruhi seseorang individu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Namun begitu adalah didapati kajian yang meneroka pengaruh personaliti terhadap keenganan mendapatkan perkhidmatan kaunseling adalah kurang seperti yang dinyatakan oleh Miller (2009) dan dengan itu kajian ini adalah relevan dijalankan. Disamping itu Seamark dan Gabriel (2018) juga telah menyenaraikan faktor seperti jantina, kesedaran, persepsi tentang perkhidmatan kaunseling, budaya dan norma serta stigma sebagai penghalang utama mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Dapatan kajian oleh Nam (2010) juga menyatakan bahawa secara umumnya dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling, wanita lebih cenderung mendapatkan perkhidmatan kaunseling berbanding dengan lelaki.

Walaupun banyak faktor yang dikemukakan sebagai faktor yang menghalang untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling, Corrigan (2004) dan Vogel et al. (2006, 2007, 2009) menegaskan bahawa stigma merupakan penghalang yang paling penting kepada individu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling dan mempengaruhi sikap individu untuk tidak menggunakan perkhidmatan kaunseling sebagai khidmat bantuan utama apabila mengalami masalah psikologikal. Menurut Corrigan (2004) terdapat dua jenis stigma yang boleh menghalang individu daripada mendapatkan perkhidmatan kaunseling iaitu stigma awam dan stigma sendiri. Stigma awam adalah persepsi negatif masyarakat terhadap individu yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling manakala stigma sendiri merupakan persepsi negatif individu yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling terhadap diri sendiri.

Stigma ialah satu kuasa yang berpengaruh dalam tingkah laku manusia tetapi tidak semua individu bertindak balas dengan cara yang sama terhadap stigma. Adalah penting untuk memahami bahawa individu yang berbeza akan bertindak balas secara berbeza terhadap stigma. Trait personaliti dan perbezaan individu juga menjadi faktor utama yang mempengaruhi sikap seseorang untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling seperti yang dinyatakan oleh Barwick et al. (2009). Oleh itu kajian ini mengkaji pengaruh trait personaliti *Big Five* sebagai variabel moderator antara stigma awam dengan stigma sendiri dan antara stigma sendiri dengan sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dasar, peraturan dan perundangan berkaitan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia diperkenal dan dikuatkuasakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1960 seperti yang termaktub dalam Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah (KPM, 2016) dan juga didokumentasikan dalam buku (Rafidah & Lau, 2014). Selain itu, Rafidah dan Lau (2014) turut berpendapat bahawa peristiwa bersejarah untuk profesion kaunseling di Malaysia ialah dasar KPM pada tahun 1963 yang mewartakan keperluan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah memperkenalkan pelbagai dasar untuk membangunkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dengan penubuhan Seksyen Bimbingan dan Kaunseling di Divisyen Perancangan dan Penyelidikan pada tahun 1963. Manakala pada tahun 1978 pula Laporan Jawatankuasa Kabinet dalam kajian Pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara telah mencadangkan supaya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah diperluas

daripada kaunseling kerjaya kepada perkhidmatan kesihatan mental seperti yang dinyatakan oleh Rafidah dan Lau (2014). Seterusnya, sekitar tahun 1980an, Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) ditubuhkan dan penubuhan PERKAMA dilihat sebagai pengiktirafan bahawa kaunseling adalah satu profesion. Kewujudan PERKAMA juga telah membolehkan para kaunselor berkongsi pendapat dan idea berkaitan kaunseling dan psikologi dengan menulis artikel dalam Jurnal PERKAMA yang diterbitkan pada tahun 1984 seperti yang dinyatakan oleh Rafidah dan Lau (2014). Selain itu, Amir (2016) berpendapat bahawa perkembangan kaunseling menjadi lebih hebat apabila Parlimen telah meluluskan Akta Kaunselor (580) pada tahun 1998 yang telah menjadi mekanisme dalam memantapkan kaunseling di Malaysia.

Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) pula ditubuhkan secara rasminya pada 1 Mac 2008 dan berperanan untuk memenuhi aspirasi merealisasikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18/2005: Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Justeru itu, Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) telah mengorak langkah dengan mewujudkan kaunselor organisasi di 16 buah jabatan Pendidikan Negeri di Sektor Psikologi dan Kaunseling, 134 Pejabat Pendidikan Daerah, Bahagian Pengurusan Teknik Vokasional, Kolej Matrikulasi, 32 Kolej Politeknik, 78 Kolej Komuniti dan 28 Institut Pendidikan Guru Malaysia seperti yang termaktub dalam Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling (KPM, 2014). Antara tugas seorang kaunselor organisasi yang disenaraikan dalam Buku Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling (KPM, 2014) adalah untuk mengendalikan sesi kaunseling dan konsultasi, mengenal pasti keperluan perkhidmatan psikologi dan kaunseling, merancang intervensi, membuat analisis kajian impak dan menjalankan penyelidikan serta kajian tindakan.

Fungsi dan peranan unit ini juga adalah untuk meningkatkan kualiti kerja, potensi dan kesejahteraan modal insan di Institut Pendidikan Guru. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) ditubuhkan untuk meningkatkan dan memantapkan latihan perguruan di dua puluh tujuh (27) Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) yang terdapat di seluruh Malaysia. Menurut Khairul Anuar (2013) Institut Pendidikan Guru berperanan sebagai institut latihan yang khusus dalam bidang keguruan dan mempunyai budaya yang tersendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Menurut beliau, keguruan ialah satu jawatan profesional seperti kerjaya-kerjaya lain dalam masyarakat seperti peguam, perubatan, akauntan, kaunselor, kejuruteraan dan perniagaan. Status profesional ini diberikan kepada sektor keguruan kerana pekerjaan ini merupakan pekerjaan yang khusus dan dilaksanakan oleh individu yang mempunyai kelulusan dan latihan ikhtisas yang cukup bermutu.

Kerjaya dalam bidang perguruan merupakan satu profesion yang mempunyai peranan yang tersendiri dalam membentuk generasi akan datang. Oleh yang demikian, pembentukan sahsiah bakal guru perlu dimantapkan semasa menjalani latihan perguruan. Hal ini adalah selari dengan visi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan dalam memenuhi keperluan anjakan keempat iaitu mentransformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan pendidikan yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) manakala misi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pula adalah untuk melahirkan guru kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Bagi menyokong dan membantu Institut Pendidikan Guru Malaysia dalam

mencapai misi dan visi yang diinginkan, perkhidmatan kaunseling adalah salah satu perkhidmatan sokongan yang terdapat di semua Institusi Pendidikan Guru Kampus di seluruh negara.

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan pelajar enggan mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang disediakan seperti dapatan kajian oleh Mohamed Shariff dan Roslee (2005) yang menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah negatif. Selain itu, hasil kajian Garret et al. (2008) juga menunjukkan bahawa remaja tidak berminat dengan perkhidmatan kaunseling walaupun mereka berada pada tahap tekanan yang sederhana dan hanya 19% yang dapat menerima khidmat bimbingan dan kaunseling dan selebihnya tidak akan dapatkan perkhidmatan kaunseling. Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar dikaitkan secara negatif dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) dan Program Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru adalah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka berada di IPG selama lima (5) tahun sebelum dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dan seterusnya ditempatkan di sekolah rendah di seluruh negeri Malaysia (IPGM, 2013). Pelajar yang belajar di Institut Pendidikan Guru juga mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi tempat asal, bangsa, budaya, keluarga, status ekonomi dan keperibadian. Mereka juga dalam proses peralihan dari persekolahan ke persekitaran yang lebih mencabar seperti yang dinyatakan dalam kajian Tengku Norhani et al. (2020) bahawa intervensi yang bersesuaian perlu dibangunkan bagi membantu kesejahteraan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Oleh itu, kajian ini sangat wajar dijalankan bukan sahaja untuk membantu pelajar PPISMP malahan

untuk kesejahteraan semua pelajar IPG dan dimulakan dengan mengkaji pengaruh personaliti antara stigma dengan sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar IPG.

Walaupun begitu, pelajar antarabangsa dan pelajar kolej kurang memanfaatkan perkhidmatan kaunseling yang disediakan dan ini menyumbang kepada peningkatan penyalahgunaan bahan, ideologi bunuh diri, masalah akademik, gejala somatik, penurunan harga diri, dan masalah interpersonal dan keluarga seperti dalam dapatan yang diutarakan dalam kajian-kajian Suradi (2010), Azizan et al. (2013), dan Khan et al. (2010).

Kajian keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia yang dijalankan oleh Natesan (2017) juga mengatakan bahawa pelaksanaan Perkhidmatan B&K sepenuh masa di sekolah menengah Malaysia telah menjangkau usia lebih daripada 20 tahun. Perkhidmatan menolong ini dianggap sangat penting dalam perkembangan sahsiah pelajar tetapi tidak memberikan bukti yang cukup berhubung pencapaian atau kerelevanannya. Hal ini adalah kerana perkhidmatan kaunseling sepenuh masa ini masih dianggap suatu fenomena baru dalam budaya negara kita. Natesan (2017) juga menyatakan bahawa tiada pengkaji yang melaksanakan penilaian program B&K di sekolah menengah secara menyeluruh walhal Ghazali (2010) pula menyatakan bahawa setiap program yang diimplementasi oleh setiap institusi dan organisasi harus dinilai selepas pelaksanaan satu kohort. Justeru itu, adalah wajar kajian ini dijalankan di IPG memandangkan tiada kajian yang berasaskan teori dan menyeluruh tentang sikap dan penerimaan pelajar IPG terhadap perkhidmatan kaunseling telah dilaksanakan. Hal ini menunjukkan terdapat jurang populasi dalam kajian berkaitan perkhidmatan kaunseling antara murid sekolah, pelajar universiti dan pelajar IPG. Oleh itu, kajian ini adalah sangat relevan dijalankan

kerana dapatan dalam satu kajian tinjauan awal yang telah dijalankan pada tahun 2018 di salah sebuah IPG telah menunjukkan bahawa hanya 17 daripada 100 orang pelajar yang menggunakan perkhidmatan kaunseling jika mereka menghadapi masalah. Dapatan ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan tidak digunakan secara optimum oleh pelajar walaupun perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan dapat memberi manfaat kepada mereka.

Terdapat banyak kajian yang telah mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan keengganan mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Antara faktor yang dinyatakan oleh Vogel (2007) adalah berkaitan menyembunyian diri atau kecenderungan untuk menyembunyikan maklumat negatif mengenai diri seseorang manakala Salina Nen dan Khairul Azmi (2018) pula menyatakan stigma dan skeptisme merupakan faktor penolakan seseorang individu terhadap perkhidmatan kaunseling. Atik dan Yalchin (2011) pula menyatakan kaunselor bukan sumber rujukan utama dalam kalangan pelajar kerana mereka lebih bergantung kepada rakan dan keluarga sebagai sumber rujukan. Dapatan ini disokong oleh kajian kajian yang dijalankan oleh Gladding (2018), Salina Nen dan Khairul Azmi (2018).

Kajian berkaitan faktor-faktor keengganan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling turut dijalankan dalam negara seperti kajian oleh Sharif dan Roslee (2005) yang berpendapat persepsi negatif pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling adalah berkait dengan kerahsiaan, kurang bersedia berkongsi masalah, rasa rendah diri, dan tidak yakin kaunselor dapat menyelesaikan masalah peribadi mereka. Faktor –faktor lain yang diutarakan oleh Cheng et al. (2015) dan Suradi (2010) adalah faktor stigma, budaya dan nilai yang dipegang oleh masyarakat Asia seperti di Malaysia merupakan faktor yang menyukarkan perkhidmatan kaunseling diterima.

Fisher dan Turner (1970) berpendapat bahawa sikap seseorang terhadap mencari pertolongan psikologi profesional secara langsung mempengaruhi tingkah laku mencari kaunseling. Dapatan Fallon dan Bowles (2001), Watson dan McMahon (2005) menimbulkan kebimbangan yang signifikan bagi pelajar di Institut Pendidikan Guru kerana kajian mereka menunjukkan bahawa hanya individu yang lebih bersedia untuk mendapatkan kaunseling profesional akan menikmati penyesuaian yang lebih baik dan kurang mengalami masalah emosi dan tingkah laku manakala Komiya et al. (2000) dan Vogel dan Wester (2003) berpendapat ketakutan terhadap emosi sebagai peramal utama keengganan seseorang untuk mendapatkan kaunseling profesional. Menurut Vogel et al. (2005) pula jangkaan utiliti, iaitu kepercayaan bahawa meminta pertolongan akan mengurangkan perasaan tertekan akan mempengaruhi sikap seseorang untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Dapatan kajian mereka disokong oleh teori Ajzen dan Fishbein (1980) yang menegaskan dalam teori mereka bahawa sikap meramalkan jangkaan hasil seseorang. Sebagai contoh, jika seseorang percaya bahawa mendapatkan perkhidmatan kaunseling akan menghasilkan pengurusan kemarahan yang lebih adaptif maka sikap terhadap perkhidmatan kaunseling akan lebih positif. Sebaliknya Schreiber et al. (2000) pula menyatakan jika seseorang menjangkakan risiko dengan mendapatkan perkhidmatan kaunseling maka sikap terhadap kaunseling juga akan negatif. Kajian yang dijalankan oleh Schreiber et al. (2000) mendapati individu dari budaya yang merendahkan keterbukaan emosi menjangkakan risiko mendapatkan perkhidmatan kaunseling adalah lebih buruk daripada masalah yang sebenarnya mereka hadapi. Selain itu, penemuan Gulliver et al. (2010) dan Rickwood et al. (2005) merumuskan bahawa kepercayaan seseorang terhadap etika kerahsiaan yang dipegang oleh kaunselor adalah penting dalam

mempengaruhi seseorang individu membuat keputusan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menjawab sejumlah persoalan seperti trait personaliti yang dominan dalam kalangan pelajar IPG, tahap stigma awam yang dimiliki pelajar IPG, tahap stigma sendiri yang dimiliki oleh pelajar IPG, tahap sikap yang dimiliki oleh pelajar IPG, hubungan antara stigma awam dan stigma sendiri, pengaruh personaliti sebagai moderator antara stigma awam dengan stigma sendiri dan antara stigma sendiri dengan sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar IPG.

1.3 Pernyataan Masalah

Kejayaan atau kegagalan untuk melahirkan guru yang cemerlang bergantung kepada rekabentuk kurikulum latihan perguruan. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggubal Falsafah Pendidikan Guru (FPG) pada tahun 1982 sebagai satu acuan latihan guru di Malaysia. Berdasarkan hasrat FPG, guru yang hendak dihasilkan ialah guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Model Falsafah Pendidikan Guru menekankan kepentingan tiga aspek asas pendidikan iaitu (1) pengetahuan, (2) kemahiran dan (3) nilai yang disepadukan dan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta bidang program yang dirancang (Tajul & Mohamed Sani, 2007). Manakala menurut Sufean (2004) pendidikan guru mengutamakan pembentukan guru yang dedikasi, kreatif, sentiasa berusaha dan peka dalam mempertingkatkan kemahiran profesional serta berpengetahuan dalam bidang perguruan untuk membolehkan para

guru menjadi agen berkesan dalam proses pembangunan masyarakat secara menyeluruh dan bersepadu.

Oleh yang demikian, perkhidmatan kaunseling yang disediakan di semua Institut Pendidikan Guru (IPG) diharap menjadi unit yang akan menyokong dan membantu untuk merealisasikan hasrat dan inspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Perkhidmatan kaunseling diharap dapat membantu pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam pembentukan personaliti. Menurut Oluremi (2014), perkhidmatan kaunseling dapat membaiki pencapaian akademik dan meningkatkan perkembangan personaliti seseorang. Justeru itu, pada tahun 2006 jawatan Kaunselor Pentadbir telah diwujudkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara rasmi di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Melalui penstrukturan semula, Cawangan Kaunseling dan Keutuhan yang kini dikenali sebagai Bahagian Psikologi dan Kaunseling pada tahun 2008 serta jawatan Ketua Unit Kaunseling telah diwujudkan bagi memantapkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling berteraskan kaunseling yang berkesan dan profesional.

Fungsi dan peranan unit ini adalah untuk mempertingkatkan mutu kerja, potensi dan kesejahteraan modal insan di Institut Pendidikan Guru. Seterusnya mulai tahun 2010 jawatan kaunselor pelajar dan kaunselor pentadbir telah diwujudkan di Institut Pendidikan Guru bagi memantapkan perkhidmatan unit psikologi dan kaunseling. Namun begitu, menurut Suradi (2010), Crabtree dan Chong (2000) dan Fei et al. (2013) ramai pelajar di Malaysia tidak mendapatkan perkhidmatan kaunseling walaupun mereka amat memerlukan perkhidmatan tersebut. Dapatan ini diperkukuh lagi dengan penemuan kajian oleh Corrigan (2004a), Vogel et al. (2005), Brown (2011), dan Topkaya (2014) yang berpendapat bahawa individu yang berpotensi mendapat manfaat daripada perkhidmatan kaunseling kurang menggunakan

perkhidmatan tersebut dan sering menganggapnya sebagai jalan penyelesaian yang terakhir. Selain itu, hasil kajian Chen dan Kok (2017), dan Mansor et al. (2017) juga menunjukkan pemahaman masyarakat di Malaysia masih rendah berkaitan peranan kaunselor dan kaunseling kerana mereka menganggap kaunseling adalah sesuatu yang terlalu peribadi. Selain itu, Abdullah et al. (2020) dan Alatas (2020) dalam kajian mereka juga berpendapat bahawa masyarakat barat lebih terbuka dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling berbanding dengan masyarakat Malaysia. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa perkhidmatan kaunseling masih lagi tidak diterima secara terbuka oleh masyarakat di Malaysia dan pelajar di institusi tinggi khususnya.

Hal ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor dan antaranya adalah berkaitan pendapat dan perspektif negatif terhadap perkhidmatan kaunseling yang menyebabkan pelajar enggan mendapatkan perkhidmatan kaunseling seperti yang dinyatakan dalam dapatan kajian oleh Bakar dan Zakaria (2018) dan Low et al. (2013) bahawa pendapat sesetengah pihak bahawa individu atau pelajar yang berjumpa kaunselor adalah seseorang yang sakit menambah lagi keengganan pelajar untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Pelajar juga perlu diberi jaminan bahawa keselamatan mereka adalah terjamin walaupun masalah yang dihadapi telah dikongsikan bersama kaunselor. Menurut Bakar et al. (2020) kebimbangan akan kesan negatif selepas berjumpa dengan kaunselor hanya akan dicapai jika ada hubungan yang baik antara pelajar dan kaunselor. Oleh itu, tanggapan negatif terhadap perkhidmatan kaunseling harus diperbetul seperti yang ditegaskan oleh Ahmad dan Suradi (2011); Kok dan Low (2017) kerana pemahaman masyarakat Malaysia dari dulu hingga kini terhadap kaunselor dan perkhidmatan kaunseling adalah terhad dan natijahnya para pelajar dan komuniti enggan dan malu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

Penemuan yang sama juga didapati melalui kajian tinjauan yang telah dijalankan oleh pengkaji pada tahun 2018 dalam kalangan pelajar di salah sebuah Institut Pendidikan Guru di Malaysia yang juga menunjukkan pelajar di IPG tersebut kurang menggunakan perkhidmatan kaunseling yang disediakan walaupun mereka amat memerlukan perkhidmatan tersebut. Keperluan perkhidmatan kaunseling oleh pelajar Institut Pendidikan Guru adalah perkara yang tidak dapat disanggah kerana pelajar di Institut Pendidikan Guru merupakan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berhadapan dengan transisi dari sekolah kepada Institusi Pendidikan Guru yang sudah tentu amat berbeza dari aspek pembelajaran, persekitaran, peraturan dan budaya.

Selain itu, pelajar yang ditempatkan di IPG juga berbeza dari aspek tempat asal, personaliti, nilai yang dipegang dan mereka juga mungkin kali pertama berjauhan daripada keluarga seperti yang dinyatakan oleh Ercan (2010), Flansburg (2012), dan Suradi (2010) bahawa sebagai seorang mahasiswa seseorang individu pasti mengalami pelbagai tekanan dan kesulitan yang mengganggu objektif akademik dan dapatan ini adalah selaras dengan hasil kajian Nor Hashimah et al. (2015) yang turut berpendapat bahawa isu penyesuaian akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.

Isu penyesuaian transisi dari sekolah ke pengajian tinggi bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar universiti bahkan pelajar IPG juga turut terkesan seperti yang ditegaskan oleh Aminah et al. (2017) bahawa masalah penyesuaian bukan sahaja berlaku kepada pelajar tahun pertama di universiti malahan pelajar tahun pertama di Institut Pendidikan Guru (IPG) juga turut berhadapan dengan cabaran penyesuaian. Hal ini diperkukuh lagi dengan dapatan kajian Nadiana et al. (2020) bahawa terdapat isu-isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar di IPG khususnya mereka yang berada di semester satu. Nadiana et al. (2020) juga menyarankan agar isu kesihatan

mental pelajar IPG diberikan fokus dan ketelitian yang sewajarnya kerana dibimbangi akan memberi kesan pada pembangunan pelajar dan berlarutan sehingga mereka berada dalam dunia keguruan sebenar. Selain itu, kajian Tengku Norhani et al. (2020) juga mendapati bahawa masalah penyesuaian turut berlaku dalam kalangan pelajar tahun pertama PPISMP di IPG dan Nor Hashimah et al. (2015) pula berpendapat bahawa masalah penyesuaian memberi kesan kepada pencapaian matematik dalam kalangan guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG.

Gladding (2018) pula berpendapat walaupun kehidupan sebagai seorang pelajar di kolej menyeronokkan, menarik dan memberi peluang-peluang baharu tetapi pada masa yang sama merupakan satu tempoh masa dengan ketidakpastian, keraguan sosial dan kemelut dalaman. *“Although college is a time of great excitement, new opportunities, and growth, it can also present a time of uncertainty, social insecurity, and internal turmoil.”* Selain itu, Gladding (2018) juga menjelaskan bahawa berada di kolej bukan hanya sekadar untuk pembelajaran sahaja tetapi pelajar perlu belajar untuk berdikari dan berjaya terutama kepada mereka yang berusia antara lingkungan 18 dan 29 tahun kerana mereka mengalami gaya hidup yang berbeza, kerjaya dan membuat persediaan untuk tugas-tugas kritikal orang dewasa. Selain itu, Wynaden et al. (2014) menyatakan bahawa masalah kesihatan mental dan tekanan psikologi jika tidak dirawat akan mengancam kesejahteraan dan mengganggu keseluruhan fungsi sebagai seorang pelajar dalam pencapaian akademik, interaksi sosial dan kemampuan untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupan universiti dan menurut Brown (2011) dan Cebi (2009), masalah yang berlanjutan akan bertambah buruk dan mungkin mendorong pelajar untuk bunuh diri. Kearns et al. (2015) juga berpendapat bahawa kehidupan sebagai pelajar boleh menjejaskan kesihatan mental kerana

bebanan yang pelbagai. Pendapat-pendapat yang diutarakan oleh para penyelidik memperkukuh lagi akan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar di IPG berdasarkan konteks kajian ini.

Kepentingan perkhidmatan kaunseling di IPG disokong lagi dengan dapatan-dapatan kajian oleh pengkaji seperti Wafi dan Rohayah (2019) yang menegaskan bahawa isu akademik dalam kalangan pelajar IPG juga perlu diberikan perhatian kerana faktor tersebut adalah antara yang dikenal pasti sebagai faktor dominan yang mendorong kepada tekanan dalam kalangan pelajar, diikuti oleh faktor fizikal, sosial dan emosi. Hashim (2016) pula berpendapat bahawa kebimbangan yang tinggi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik dan dirumuskan bahawa apabila terdapat hubungan faktor tekanan akademik dengan kebimbangan dalam kalangan pelajar di IPG maka ketidakstabilan emosi akan berlaku.

Keadaan ini dibimbangi akan menjejaskan kefungsi pelajar dalam perhubungan dengan ahli keluarga, rakan-rakan serta persekitaran mereka. Selain itu, Cebi (2009) pula menyatakan bahawa faktor berjauhan daripada keluarga, cubaan untuk mencari kawan baharu atau menambah tanggungan dalam kewangan boleh menimbulkan perasaan kurang selamat dan tertekan, manakala Eisenberg et al. (2007) pula menyatakan masalah kewangan, kemiskinan, penyalahgunaan bahan, mangsa keganasan seksual, dan isu berkaitan dengan identiti seksual juga merupakan faktor risiko yang dihadapi oleh pelajar. Kajian-kajian berkaitan masalah gangguan psikologi dalam kalangan pelajar di universiti giat dijalankan oleh pengkaji luar negara seperti (Eisenberg et al., 2009; Martin, 2010; Demyan & Anderson, 2012; Wynaden et al., 2013). Kajian berkaitan kecelaruan psikologi dan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan pelajar universiti juga turut dikaji oleh pengkaji dalam negara seperti kajian yang didokumentasikan oleh (Salim, 2010; Azizan et al., 2013) manakala Khan

(2010) turut menegaskan kemurungan dalam kalangan pelajar universiti boleh berpunca kerana kelemahan dalam akademik, stress peperiksaan, masalah perhubungan dan keluarga. Nadiana et al. (2020) juga menyatakan bahawa kajian yang berkaitan dengan faktor akademik dengan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan pelajar di IPG adalah perlu dijalankan kerana hasil pembacaan literatur mendapati kajian yang berkaitan faktor akademik dengan kesihatan mental dalam kalangan pelajar IPG belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji di negara ini. Justeru itu, dapatlah dirumuskan bahawa perkhidmatan kaunseling adalah perkhidmatan yang amat diperlukan oleh seseorang pelajar bukan sahaja di universiti tetapi perkhidmatan kaunseling juga diperlukan oleh pelajar di IPG. Namun begitu, adalah satu fakta yang menyedihkan dan tidak dapat dinafikan bahawa pelajar di IPG juga tidak menggunakan perkhidmatan kaunseling walaupun mereka amat memerlukan perkhidmatan tersebut. Perkara ini telah dapat dibuktikan oleh pengkaji dengan melaksanakan satu kajian tinjauan awal pada tahun 2018 dengan mengedarkan borang soal selidik iaitu Pandangan Pelajar dan Staf terhadap Perkhidmatan Kaunseling di salah sebuah Institut Pendidikan Guru Kampus.

Borang soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada 100 orang pelajar dan 100 orang staf di Institut Pendidikan Guru Kampus tersebut. Hasil tinjauan awal membuktikan bahawa sebanyak 63% pelajar berjumpa dengan kawan sekiranya menghadapi masalah, 37% berjumpa dengan pensyarah dan 61% menyelesaikan masalah dengan ahli keluarga. Hanya 17 % daripada 100 orang pelajar berjumpa kaunselor jika mereka menghadapi masalah. Dalam kalangan staf, hanya 20% berjumpa dengan kaunselor sekiranya ada masalah. Walau bagaimanapun, 82% pelajar dan 92 % staf sedar akan kewujudan perkhidmatan kaunseling di Institut Pendidikan Guru kampus tersebut. (Rujuk Jadual 1.1: Analisis Soal Selidik Pandangan Pelajar

Terhadap Perkhidmatan Kaunseling di Institut Pendidikan Guru dan Jadual 1.2:
 Analisis Soal Selidik Pandangan Staf IPGKPP dan Pensyarah Terhadap Perkhidmatan
 Kaunseling di Institut Pendidikan Guru).

Jadual 1.1

*Analisis Soal Selidik Pandangan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling di
 Institut Pendidikan Guru*

Perkara	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak pasti		Bersetuju		Sangat Setuju	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1. Saya mengatasi masalah dengan berjumpa kawan	10	10%	15	15%	12	12%	46	46%	17	17%
2. Saya mengatasi masalah dengan bantuan pensyarah	10	10%	22	22%	31	31%	30	30%	7	7%
3. Saya mengatasi masalah dengan bantuan keluarga	16	16%	7	7%	14	14%	22	22%	41	41%
4. Saya mengatasi masalah dengan berjumpa kaunselor	21	21%	26	26%	36	36%	13	13%	4	4%
5. Saya mengatasi masalah saya sendiri	1	1%	10	10%	11	11%	50	50%	28	28%
6. Saya sedar wujudnya Unit kaunseling di Kampus	9	9%	4	4%	5	5%	26	26%	56	56%
7. Saya pernah berkunjung di bilik Kaunseling	38	38%	27	27%	15	15%	10	10%	10	10%
8. Saya tidak pernah menerima perkhidmatan kaunseling	11	11%	18	18%	14	14%	21	21%	36	36%
9. Saya kerap berjumpa dengan kaunselor untuk perkhidmatan kaunseling	38	38%	44	44%	13	13%	1	1%	4	4%
10. Perkhidmatan kaunseling di IPGK sangat memuaskan	3	3%	3	3%	56	56%	27	27%	11	11%

Jadual 1.2

Analisis Soal Selidik Pandangan Staf IPGKPP dan Pensyarah Terhadap Perkhidmatan Kaunseling di Institut Pendidikan Guru

Perkara	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak pasti		Bersetuju		Sangat Setuju	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1. Saya sedar wujudnya Unit kaunseling	-	-	2	2%	6	6%	36	36%	56	56%
2. Saya pernah berkunjung di bilik Kaunseling	22	22%	10	10%	12	6%	36	36%	20	20%
3. Saya tidak pernah menerima perkhidmatan kaunseling	14	14%	12	12%	18	18%	14	14%	42	42%
4. Saya kerap berjumpa dengan kaunselor untuk perkhidmatan kaunseling	46	46%	28	28%	6	6%	18	18%	2	2%
5. Perkhidmatan kaunseling di IPGK sangat memuaskan	-	-	-	-	32	32%	44	44%	24	24%

Dapatan daripada kajian tinjauan awal ini adalah selaras dengan dapatan Reiko (2008) yang telah menjalankan kajian mengenai sikap terhadap mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya pelajar kolej dan universiti yang menunjukkan 90% responden tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang psikologi dan isu kesihatan mental. Chian dan Louis (2009) juga mendapati korelasi negatif antara nilai-nilai budaya Asia dan sikap mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam kajian tentang impak nilai budaya dan tingkah laku serta sikap dalam kalangan pelajar kolej di Malaysia terhadap mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Faizura et al. (2014), menyatakan bahawa berdasarkan penyelidikan yang lepas, sikap negatif individu terhadap perkhidmatan kaunseling dipengaruhi oleh gender, umur dan tahap pendidikan. Walau bagaimanapun, Corrigan

(2004) menegaskan bahawa stigma merupakan penghalang kepada individu untuk mendapatkan bantuan kaunseling dan mempengaruhi sikap individu untuk tidak menggunakan perkhidmatan kaunseling sebagai khidmat bantuan utama apabila mengalami masalah psikologikal. Pendapat yang sama diutarakan oleh (Corrigan, 2004a; Vogel et al., 2009; Ludwikowski et al., 2009; Chen et al., 2014). Menurut Barwick et al. (2009) personaliti ialah salah satu faktor peribadi yang berkait dengan sikap mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Kajian oleh Brown et al. (2010) menunjukkan bahawa kecenderungan individu untuk memilih dan mengambil tindakan termasuk membuat keputusan adalah berkaitan dengan tret personaliti yang dimilikinya. Selain itu, Parker et al. (2007) dan Purvis et al. (2011) mendapati tret personaliti mempunyai sumbangan dalam menentukan sikap individu dalam membuat keputusan bagi mencapai perolehan maksimum.

Kajian juga telah dilaksanakan untuk menyelidik perkaitan antara sikap terhadap perkhidmatan kaunseling dengan variabel personaliti seperti penghargaan diri, kebimbangan dan kawalan lokus dalam kalangan pelajar universiti dan populasi umum. Namun begitu, dapatan kajian Froio (2013) menunjukkan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling di kampus-kampus di United Kingdom telah meningkat sebanyak 33% semenjak dari tahun 2008 manakala dapatan kajian Yin-Fah et al. (2016) menunjukkan permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling di Malaysia masih menunjukkan peratusan yang rendah.

Menurut Moran (2009), Vogel dan Wei (2005), sikap terhadap perkhidmatan kaunseling ialah faktor utama yang mempengaruhi keputusan untuk mendapatkan bantuan psikologi professional. Sikap ini dipengaruhi oleh personaliti, sosial, demografi dan lain-lain faktor tetapi menurut Corrigan (2004) walaupun terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang tidak mendapatkan rawatan psikologi,